

Bermain pupuk minat matematik

Minat terhadap matematik harus dipupuk sejak kecil. Terdapat ibu bapa yang mempunyai persepsi bahawa matematik adalah sukar. Mereka mempunyai pengalaman sukar ketika di sekolah dahulu sehingga beranggapan matematik juga sukar untuk anak mereka. Atas alasan itu, ibu bapa terbabit tidak tahu bagaimana untuk membantu anak mereka dalam matematik.

Dalam kehidupan seharian, kanak-kanak memang terdedah kepada matematik. Oleh kerana matematik semakin bertambah penting dalam dunia teknologi ini, maka pembelajaran matematik bermula di rumah juga menjadi keutamaan selain sekolah. Membantu anak menyelesaikan masalah, berkomunikasi secara matematik dan membuat penaaakulan adalah asas pembelajaran matematik.

Penyelesai masalah adalah seseorang yang menyoal, menyiasat dan meneroka penyelesaian kepada masalah. Beliau juga harus memahami bahawa ada banyak cara mendapatkan penyelesaian. Anda boleh menggalakkan anak menjadi penyelesaian masalah dengan membabitkan mereka dalam membuat keputusan keluarga menggunakan matematik.

Berkomunikasi secara matematik bermakna menggunakan perkataan, nombor atau simbol matematik bagi menjelaskan sesuatu situasi; menggunakan gambar ra-

jah menerangkan sesuatu dan menulis mengenai matematik.

Berkomunikasi secara matematik

Anda boleh membantu anak berkomunikasi secara matematik dengan bertanya mereka untuk menjelaskan sesuatu masalah atau jawapan. Contoh paling asas, minta mereka memadankan sepasang kasut, stokin atau sudu, garfu. Ini boleh mengajar mereka konsep menyusun dan membanding.

Suruh anak melukis objek di sekeliling mereka dan tanya bentuk apa mereka lukis. Ini membantu mereka memahami konsep asas geometri. Minuman dalam gelas pula boleh digunakan untuk mengajar konsep pecahan. Satu per dua cawan air atau kadang-kadang kita sebut setengah cawan air, satu per empat cawan air, tiga per empat cawan.

Kita boleh juga memperkenalkan penaaakulan spasial. Apabila kita menunjukkan kepada anak lokasi sesuatu objek, kita menjelaskan hubungan antara ruang dengan objek. Buku di atas meja, bola di dalam kotak adalah contoh objek di lokasi.

Keupayaan membuat penaaakulan bermakna, boleh berfikir secara logik, boleh melihat kesamaan dan perbezaan mengenai sesuatu, membuat pemilihan berdasarkan perbezaan itu dan berfikir mengenai kaitan antara perkara berkenaan adalah kemahiran penting

untuk menguasai matematik.

Anda boleh menggalakkan anak menjelaskan jawapan kepada masalah matematik mudah dan juga sukar. Anak pasti memberi sebab mengapa jawapan sedemikian. Begitu banyak sekali di persekitaran kita dipenuhi unsur matematik mudah. Jika kita tahu menggunakannya, secara tidak langsung kita mengembangkan kemahiran matematik anak kita.

Kemahiran berfikir

Pada masa ini, fokus pembelajaran adalah kepada pemahaman konsep dan aplikasi kemahiran berfikir, bukan lagi kepada hafalan. Ini bermakna, hafalan semata-mata tidak menjamin murid boleh membuat matematik dengan baik. Maka tidak hairan jika terdapat murid yang mendapat banyak A dalam peperiksaan, tetapi tidak boleh menyelesaikan masalah membabitkan kemahiran berfikir.

Oleh itu, untuk berfikir dengan baik, murid perlu memahami konsep. Konsep membantu kita berfikir. Kemahiran berfikir adalah proses mental yang selalu kita gunakan dalam menyelesaikan masalah, membuat keputusan, menanya soalan dan menilai idea.

 **Profesor Madya Dr Effandi Zakaria**
Ketua Jabatan Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran, **UKM**



Berkomunikasi secara matematik bantu meningkatkan kemahiran berfikir. (GAMBAR HIASAN)